

05/02/2003

Fatimah idola sepanjang zaman

Nor Affizar Ibrahim

HASRAT tokoh wanita istimewa dan tidak asing lagi di negara ini, Tan Sri Fatimah Hashim untuk meninggalkan sesuatu berkekalan kepada pemimpin negara mendatang kini terlaksana dengan pelancaran buku mengenai riwayat hidup beliau yang berjudul Tan Sri Fatimah: Potret Seorang Pemimpin.

Buku biografi yang mengabadikan jasa Fatimah, yang lebih dikenali sebagai menteri wanita pertama di Malaysia itu dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Namun, apa yang lebih menarik dan semestinya menjadi kebanggaan Fatimah, majlis pelancaran buku biografi itu bukan saja dihadiri rakan seperjuangan yang baru dan lama tetapi dijayakan dengan gandingan dan kerja keras banyak pihak termasuk ahli keluarganya sendiri termasuk adik-beradik, anak dan cucu hingga ke cicit.

Seperti kata anak lelaki sulung beliau, Mohamamed Shah Abdul Kadir ketika berucap bagi pihak ibunya: "Sememangnya menjadi hasrat ibu supaya semua ahli keluarga kami turut terbabit menjayakan pelancaran ini terutama di kalangan yang muda supaya mereka dilatih dan mendapat pendedahan. Apatah lagi, ia lebih menjurus kepada projek keluarga kami."

Buku Tan Sri Fatimah: Potret Seorang Pemimpin mengisahkan bagaimana Fatimah menjadi model wanita yang berjaya dalam kerjaya tanpa mengorbankan keluarga. Dengan berbekalkan tahap pendidikan Darjah Lima sekolah Melayu, beliau berjaya mencapai kecemerlangan dalam hidup, dalam ruang domestik dan publik.

Buku itu memperkenalkan Fatimah kepada kalangan pembaca, khususnya generasi muda yang belum pernah mendengar nama beliau dan pencapaiannya di dalam arena politik dan badan sukarela wanita yang disertainya.

Buku yang mengandungi lima bab itu juga mendekati pembaca kepada kehidupan Fatimah dengan mendalami pemikiran dan perasaannya dalam mengharungi perjuangan dan liku kehidupan yang pernah dilaluinya.

Pada bab pertama, ia menceritakan latar belakang keluarga beliau dan kegiatan awalan di Johor dan kira-kira setahun di England, sewaktu beliau mengikuti suaminya menjalani kursus undang-undang. Sementara bab dua dan tiga menyorot kisah Fatimah ketika mengembang dan memantapkan pergerakan Kaum Ibu Umno di Perak dan Kedah.

Bab empat, mengulas sumbangan beliau ketika memimpin NCWO untuk meningkatkan lagi martabat wanita. Perayaan Hari Wanita, anugerah Pingat Emas Tun Fatimah dan kejayaan dalam bidang undang-undang serta beberapa tuntutan hak wanita adalah antara aspek kejayaan beliau dalam bidang pembangunan wanita.

Bab lima pula, menyingkap kisah beliau sebagai isteri dan ibu serta bagaimana beliau mengimbangi tugas keluarga dengan tugas politik. Rahsia kejayaan Fatimah adalah kebijaksanaan beliau menjalinkan dua ruang itu tanpa mengabaikan mana-mana pihak.